

# Dr. M sahkan Khalil Yaakob 'orang tengah'

KUALA LUMPUR 25 Julai - Tun Dr. Mahathir Mohamad mengesahkan Yang Dipertua Negeri Melaka, Tun Khalil Yaakob telah datang menemuinya baru-baru ini untuk menjadi 'orang tengah' dalam hubungannya dengan kerajaan.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, Khalil menemuinya sejurus sebelum beliau berlepas ke luar negara dan bertanyakan kepadanya mengenai masalah yang timbul dan bagaimana menyelesaikan perkara berkenaan.

"Saya sudah beritahu apa masalah yang timbul dan cara menyelesaikannya, sekarang ini terpulanglah pada beliau (Khalil) untuk mengambil tindakan selanjutnya.

"Ia mudah saja," kata beliau pada sidang akhbar selepas melancarkan buku bertajuk *Sumbangan Cina Malaysia* di sebuah hotel terkemuka di sini hari ini.